



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah


Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Pentakosta - 19 Mei 2024

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, yang pada hari Pentakosta telah mengutus Roh Kudus-Mu kepada rasul-rasul dengan tiupan angin dari syurga dan dalam nyala api, memenuhi mereka dengan sukacita dan keberanian untuk memberitakan Injil, utuskanlah kami keluar di dalam kuasa Roh itu untuk bersaksi kepada kebenaran-Mu dan untuk membawa semua orang kepada api kasih-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.



Hendaklah kamu penuh dengan Roh
- Efesus 5:18

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikasstreams](https://www.youtube.com/@christchurchlikasstreams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. MINGGU PENTAKOSTA

Puji Tuhan atas Roh-Nya—Roh Kudus. Lima puluh hari setelah kebangkitan Yesus, Roh Kudus turun atas murid-murid-Nya yang pertama, seperti yang telah dijanjikan-Nya. Peristiwa tersebut telah mengubah jalur sejarah. Seramai 120 orang murid, diberdayakan oleh Roh Kudus, menjadi 'saksi' Yesus, memberikan kesaksian tentang realiti kebangkitan Tuhan.

Sementara kita merayakan Minggu Pentakosta, semoga kita 'terus menerus dipenuhi dengan Roh Kudus' , Efesus 5:18.

2. SELAMAT DATANG

Sambutan istimewa kepada Dr. Suardin, Medan, Indonesia. Dia akan melayani kita melalui pemberitaan Firman Tuhan pagi ini dan juga malam ini semasa Ibadah Doa Pujian, 7:30 malam. Jemput rakan anda.

Kita juga mengalu-alukan kedatangan pengajar dan juga pelajar daripada Seminari Teologi Sabah (STS). Lawatan ini merupakan sebahagian daripada bidang pembelajaran mereka dalam Ibadah dan Pelayanan di gereja-gereja yang berbeza.

3. SELAMAT MENYAMBUT HARI GURU

"Yesus berjalan keliling...mengajar", Markus 6:6. Kami mengucapkan kepada semua guru—di sekolah, kolej-kolej dan university—segala berkat Tuhan. Kami menghargai kasih serta dedikasi mereka dalam membentuk generasi anak muda untuk mengasihi Tuhan dan komuniti setempat.

4. KESYUKURAN PENUAIAN

26 Mei, Ahad, Pavilion, 1:00 petang - kita meraikan kebaikan Tuhan yang menyediakan kita 'makanan kita sehari-hari'. Datangkanlah untuk sertai persekutuan makan tengah hari (hidangan etnik); diikuti dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan masyarakat. Semua dialu-alukan. Ajak juga kawan-kawan anda.



5. BAZAR DI GEREJA MANGGATAL

3 Jun, 8:00 pagi-4:00 petang - bazar kutipan dana Gereja Manggatal. Kunjungi deretan gerai tersedia - makanan, tumbuhan, alat, deko, dll. Kupon dijual. Beli untuk diri sendiri dan rakan-rakan anda. Atau anda mungkin ingin membuka gerai sendiri di sana. Sebarang maklumat sila beruruskan di meja informasi.



6. BERTUMBUH SEBAGAI MURID-MURID YESUS

'Jom Ke Sel'. Salah satu cara yang paling berkesan untuk berkembang dalam iman Kristian kita adalah dalam konteks sekumpulan kecil orang percaya yang berkumpul bersama. Beberapa kumpulan sel tersedia:

- Kaum Bapa - untuk pria; hubungi: Pak Johnny
- Sel Likas - zon Likas; Selasa, 8 mlm; hubungi: Sdr. Krisde
- Sel Sunny Garden - zon Likas; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Sdri. Elisa
- Sel Kolombong - zon Likas; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Ibu Imelda
- Sel Pulutan - zon Pulutan; Khamis, 8 mlm; hubungi: Pak Johnny
- Sel Inanam - zon Pulutan; Rabu, 8 mlm; hubungi: Ibu Marysta
- Sel Kalansanan - zon Pulutan; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Pak Anda
- Sel Manggatal - zon Manggatal: Sabtu, 8 mlm; hubungi: Ibu Albertin
- Sel Gudon - zon Manggatal; Rabu, 8 mlm; hubungi: Ibu Hermin
- Sel Bantayan - zon Manggatal; Khamis, 8 mlm; hubungi: Ibu Maria
- Sel Keliangau - zon Manggatal; Jumaat, 8 mlm; hubungi: Ibu Albertin
- SOMA Sr. - belia; sebulan, 2 kali, selang-seli; hubungi: Sdr. Syahbir
- SOMA Jr. - Muda-mudi; setiap Jumaat, 7:30 mlm; hubungi Ps. Andy
- Pelayanan Kampus - pelajar IPTA/IPTS; hubungi: Ps. Andy
- Pelita Kecil - kanak-kanak; setiap Sabtu, 2 ptg; hubungi Sdr. Kinan

Sila tanya butiran terperinci di Meja info jemaat kami. Terdapat juga kumpulan lain yang dijalankan dalam bahasa Cina dan dalam Inggeris.

7. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- 23 Mei, Khamis ini, **Perjamuan Kudus di rumah**. 8.00 pagi—Ibadah Perjamuan Suci di gereja. 9:00 pagi—lawatan ke rumah.
- 25 Mei. Sabtu, 9:30 pagi—Pertemuan '**Sentiasahijau**', di Dewan Omega. Pengangkutan disediakan untuk yang memerlukan. Bertanyakalah.
- Hiasan **bunga** hari ini didermakan oleh Justin & Chong Han San.
- **Sekolah St Agnes**—pendaftaran untuk pelajar Tahun 1 2025 kini dibuka. Daftarlah di sekolah.
- Rektor kita telah diberikan lesen sebagai **Pembantu Pendaftar Perkahwinan**; bermaksud perkahwinan boleh didaftarkan di Gereja Kristus Likas, dan tidak semestinya pergi ke JPN. Pasangan yang berniat untuk berkahwin di gereja ini, hubungilah Rektor kira.

8. UNTUK DOA & PENGLIBATAN

- 28-30 Mei—Konferensi Muda Mudi Bahasa Cina & Inggeris, Tawau
- 18-20 Jun—Retreat Kaum Lelaki, Telupid
- 8-10 Julai—retreat Warga Emas Cina & Inggeris, Sandakan

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Minggu Pentakosta Apabila Roh Kudus Turun

"Tetapi kamu akan menerima kuasa, kalau Roh Kudus turun ke atas kamu, dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai keujung bumi." -Kis 1:8

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Apakah yang muncul di fikiran anda apabila perkataan "kuasa" disebut? Kereta berkuasa? Wanita berkuasa? Kuasa alam semula jadi? Apakah yang dapat dicapai oleh kuasa yang seperti ini?
2. "Kamu akan menerima kuasa" - "melakukan apa yang anda boleh". Kongsi tentang peluang bersaksi yang kamu percaya diberikan oleh Tuhan, agar anda melayani Dia. Apakah cabarannya? Adakah kamu menjangkakan "tanda-tanda dan mujizat" hari ini? Mengapa, atau mengapa tidak?
3. "Kamu akan menjadi saksi-Ku" - 'menceritakan apa yang anda tahu'. Apakah itu seorang 'saksi'? Baca juga 1 Yohanes 1:1, Kis 4:19-20. Kongsi, dengan perkataan mulut, sebuah berkat yang anda terima daripada Tuhan. Cubalah.
4. "Di Yerusalem..." bermula di manapun anda berada'. Di manakah "Yerusalem"mu? Bagaimanakah anda boleh mulai menjadi saksi di sana? Di manakah "Yudea dan Samaria" kamu? Dan 'ujung bumi' ? Apakah rancangan yang anda ada untuk tempat-tempat ini? Kongsi.
5. Apakah maksudnya untuk "dipenuhi dengan Roh Kudus", Efesus 5:18. Teruskan membaca ayat 19-21 (dan ayat seterusnya juga!!) untuk melihat beberapa contoh "dipenuhi dengan Roh Kudus".
6. Berdoalah untuk diri kamu. Berusahalah untuk taat dan memuliakan Yesus—Yohanes 16:14. Minta Roh Kudus menolong anda. Berdoa untuk anggota sel lainnya untuk muah mengalami hal yang sama.

UNTUK DIDOA

Guru-guru kita yang dikasihi

- agar semua guru kita diberkati dengan kasih dan kesabaran untuk mendidik generasi seterusnya
 - [berdoa untuk semua guru di gereja kita; namakan mereka]

Para pelajar kita yang dikasihi

- agar semua pelajar akan belajar dengan hati yang terbuka
 - [berdoa juga untuk para pelajar teologi yang dipersiapkan untuk melayani dalam pelbagai pelayanan]

Diri sendiri

- agar kita lebih lagi berpaut kepada Roh Kudus
 - [berdoa untuk kesempatan bersaksi bagi Yesus]
- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.